

# Kepelbagaian Dan Kesepaduan Etnik Di Malaysia Menurut Islam

Noor Aziera Mohamad Rohana<sup>1</sup>, Mohd Faizal P.Rameli<sup>2</sup>, Rawi Nordin<sup>3</sup>, Siti Nurul Izza Hashim<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka Kampus Jasin, Malaysia

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka Kampus Alor Gajah, Malaysia

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka Kampus Bandaraya Melaka, Malaysia

## *Progres Artikel*

Diterima: 7 Julai 2017

Disemak: 31 Ogos 2017

Diterbit: 2 September 2017

\*Corresponding Author: Noor

Aziera Mohamad Rohana,  
Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari, UiTM Melaka  
Kampus Jasin;

Email:

[aziera7863@melaka.uitm.edu.my](mailto:aziera7863@melaka.uitm.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini membincangkan tentang asas kewujudan pelbagai etnik di Malaysia berdasarkan sejarah pembentukan negara Malaysia. Kepelbagaian etnik merupakan satu bukti keagungan Allah SWT. Justeru itu, bagi mencapai matlamat dan hikmah penciptaan tersebut, pelbagai inisiatif dan langkah konstruktif perlu dilaksanakan secara bijaksana di pelbagai peringkat sama ada individu, masyarakat apatah lagi pemerintah berpandukan maksud tersirat di sebalik firman Allah SWT tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan beberapa ayat dari Surah al-Hujuraat mengenai hikmah kerencaman etnik yang wujud dengan melihat faktor pembentukan pelbagai etnik di Malaysia dari sudut sejarahnya dan korelasinya dengan realiti semasa dalam rangka membentuk keharmonian etnik. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan menerusi kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa keagungan Allah SWT dalam penciptaan etnik yang pelbagai sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Hujuraat, dapat dilihat di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Hakikatnya, kerencaman dan kepelbagaian yang wujud menimbulkan keragaman yang berbeza dan boleh menimbulkan kecelaruan dalam sesebuah negara. Namun demikian, pendekatan yang bijaksana dan bersifat inklusif tanpa mengetepikan mana-mana kaum di Malaysia membolehkan negara ini kekal harmoni dan membangun dengan kepelbagaian yang ada.

**Kata kunci:** Kepelbagaian etnik, Malaysia, perpaduan, Islam.

**Abstract:** This study discusses the existence of various ethnic groups in Malaysia based on the country's history. The ethnic diversity is a proof of the greatness of Allah SWT. Therefore, various efforts have to conduct sensibly to achieve the goals and the secret behind the creation of human beings, without distinction of race, religion and countries around the world including Malaysia. The objective of this study is to describe some of the verses of Surah al-Hujuraat about the reality and the reasons behind the creation of ethnic diversity. The study also aims to examine the determinants of ethnic diversity that existed in Malaysia based on historical and current realities. This study uses library research methodology through document analysis method. The results showed that the greatness of Allah SWT in creation of multi-ethnic as stated in Surah al-Hujuraat, can be seen all over the world including in Malaysia. In fact, the diversity of which contains a lot of disagreement can cause the delirium in any country. However, a prudent approach as the implementation of integration without sacrificing any of the races in Malaysia allows the country to maintain its prosperity and development altogether with this diversity.

**Keywords:** ethnic diversity, Malaysia, unity, Islam.

## Pengenalan

Sejarah penciptaan makhluk oleh Allah SWT bermula daripada seorang manusia lelaki yang dinamakan Adam, dan dijadikan pula dari Adam itu isterinya Hawa. Ini dinyatakan dalam firmanNya yang bermaksud:

*Hai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak (al-Nisā', 4: 1)*

Merujuk kepada maksud firman Allah SWT ini, agama Islam mengajar penganutnya agar meyakini bahawa manusia berasal daripada bapa yang sama, iaitu Adam. Walau apa pun warna kulit, manusia sebenarnya bersaudara dan datang dari sulbi yang sama atau satu keturunan, tidak kira apa bangsa sekalipun, ia tetap merupakan anak cucu kepada Nabi Adam.

Dalam Islam, persoalan bangsa dan warna kulit tidak menjadi isu. Bangsa, bahasa dan warna kulit tidak lain hanyalah merupakan unsur atau ciri untuk membezakan sesama manusia. Oleh yang demikian, tidak sepatutnya wujud apa jua punca kepada persengketaan dalam kalangan manusia. Sekalipun, secara fitrahnya manusia amat mencintai bangsanya sendiri lebih daripada bangsa lain, namun cinta dan kasih itu tidak menghalalkan dirinya untuk melakukan kezaliman dan ketidakadilan kepada bangsa lain.

Masyarakat Islam adalah kumpulan insan yang beriman kepada Allah SWT. Masyarakat Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW di Makkah pada awal abad ke tujuh masihi merupakan kelompok masyarakat minoriti yang berada dalam masyarakat majoriti jahiliyyah yang dominan. Sebagai golongan minoriti, penganut Islam menghadapi pelbagai penindasan daripada masyarakat majoriti dengan bermacam tindakan yang ada kalanya menimbulkan masalah penghidupan yang perit. Masyarakat Islam telah menerima pelbagai tekanan dan penindasan, namun dihadapi dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Mereka dididik untuk tidak membalas kekejaman atau kezaliman dengan kezaliman.

Setelah Islam menjadi anutan ramai, khususnya setelah peristiwa hijrah, kejayaan demi kejayaan telah dicapai. Sebuah masyarakat Islam yang kuat dan utuh terbentuk di kota Madinah. Penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai etnik, budaya dan kepercayaan telah memeluk Islam secara sukarela dan hidup sebagai sebuah masyarakat baru di bumi Madinah. Melalui peristiwa hijrah ini, sebuah masyarakat manusia yang lebih besar terbina di mana mereka hidup rukun dan damai di bawah naungan Islam yang dipimpin oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Dalam perkataan lain, terbentuk sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada kalangan orang Islam dan bukan Islam.

Masyarakat bukan Islam hidup dengan aman damai dalam masyarakat Islam sebagaimana tercatat dalam sejarah. Masyarakat Islam adalah sebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agamanya, mematuhi perintah Allah dengan sebaik-baiknya dan wajib berlaku adil kepada semua masyarakat atau rakyat yang bernaung di bawahnya. Ia berdasarkan perintah Allah SWT sebagaimana maksud firmanNya:

*Sesungguhnya Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu dan tidak menghalau kamu dari tanah air kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang melakukan keadilan (Muṭmainnah, 60: 8)*

Masyarakat bukan Islam yang berada dalam pemerintahan Islam dikenali dengan istilah *Ahlu Dzimmah*. Ia bermaksud orang yang diberi jaminan oleh Islam. Jaminan ini merangkumi keselamatan dan keamanan kepada mereka sepanjang berada di bawah pemerintahan Islam. *Ahlu Dzimmah* ini boleh disamakan dengan istilah kerakyatan atau *al-Jinsiyyah*. Dalam pemerintahan kita hari ini, *Ahlu Dzimmah* ini mempunyai beberapa hak dan kewajipan sebagai rakyat dalam pemerintahan Islam sebagaimana yang telah dikanunkan atau disyariatkan oleh Islam menerusi al-Quran dan al-Sunnah. Rasulullah SAW bersabda dalam konteks ini yang bermaksud:

*Siapa yang menyakiti seorang Dzimmi maka aku adalah musuhnya. Dan sesiapa yang telah menjadikan aku musuhnya, nescaya aku akan memusuhinya di hari kiamat nanti (H.R.Khotib)*

Sesungguhnya pembentukan masyarakat majmuk ini merupakan manifestasi kebijaksanaan dan keadilan Allah atas penciptaan manusia di atas muka bumi ini. Justeru, manusialah yang seharusnya berperanan menggunakan keupayaan dan kelebihan yang dikurniakan Allah untuk membentuk tamadun umat manusia yang cemerlang berpandukan sumber al-Quran dan al-Sunnah.

## Konsep Masyarakat Menurut Islam

Dalam Islam konsep masyarakat mempunyai pengertian dan tafsiran yang tertentu. Ini dapat diperhatikan dengan berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah serta pandangan para ulama juga sarjana-sarjana Islam.

Menurut Yusuf al-Qaradawi (1985), masyarakat Islam ialah masyarakat yang berdiri di atas aqidah dan pemikiran Islam yang akan melahirkan sistem, undang-undang, moral dan akhlak Islam. Justeru, masyarakat Islam ialah masyarakat yang mengambil seluruh ajaran Islam sebagai cara hidup, sumber hukum, pegangan dalam setiap aspek kehidupan dan rujukan dalam mengatur hubungan individu dengan masyarakat, rohani

dengan fizikal dan juga dengan masyarakat antarabangsa.

Sayyid Qutb (1978) pula menjelaskan bahawa masyarakat dan kebudayaan Islam ini ialah masyarakat yang melaksanakan cara hidup Islam secara total yang bertitik tolak daripada asas aqidah, ibadah, undang-undang, moral dan cara hidup sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam. Masyarakat dalam bentuk seperti ini adalah masyarakat berbertamadun.

Zakaria Stapa (1994) pula menjelaskan bahawa sesuatu masyarakat itu dikatakan masyarakat Islam apabila manusia yang mendiami di mana-mana daerah atau tempat menjadikan Islam sebagai aqidah, pengatur dan penyusun kehidupan rohani dan jasmani mereka serta menjadikan Islam sebagai asas dalam ciptaan-ciptaan mereka untuk mencapai kesempurnaan di pelbagai aspek hidup dalam masyarakat. Allah SWT telah menjelaskan beberapa perkara berkaitan isu-isu masyarakat melalui firman-firmanNya yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman!, jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian darinya (sangkaan) itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya, (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu) (al-Hujurat, 49: 12-13)*

Nazri Muslim (2011) meringkaskan dalam penulisannya bahawa ayat di atas secara jelas mengiktiraf kepelbagaian manusia dengan tujuan menggalakkan berlakunya interaksi, kerjasama dan hubungan saling melengkapi di samping perlu mengelakkan sebarang pengasingan atau konflik. Manusia diciptakan dengan pelbagai kelompok, budaya dan cara hidup yang berbeza. Namun begitu, kepelbagaian tersebut bukanlah bertujuan untuk saling memusuhi antara satu sama lain.

Bagi mendepani kerencaman ini, Islam menggariskan panduan hubungan kemasyarakatan. Ini dapat diperhatikan daripada terjemahan ayat ke 12 dan ke 13 surah al-Hujurat di atas. Islam melarang perbuatan *al-Zan* (bersangka buruk) atau dalam istilah ilmu sosiologi disebut *prejudis* dan *stereotaip*, iaitu menghina dan mengaibkan kelompok lain. Begitu juga dengan *al-Tajassus*, iaitu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan *al-Ghibah* (mengumpat). Semua amalan ini dilarang kerana ia boleh menjadi punca konflik antara etnik dalam masyarakat plural.

Allah SWT juga mengiktiraf kepelbagaian kaum, bangsa, puak dan etnik. Selain menandakan kekuasaan Allah mencipta kepelbagaian ini, ia juga menunjukkan pengiktirafan Islam terhadap kewujudan semua jenis bangsa di dunia. Justeru, ianya turut menyangkut kepelbagaian bahasa, budaya dan tradisi bangsa-bangsa yang wujud itu. Ayat di atas juga menjelaskan bahawa Allah menggalakkan sifat saling berhubung dan berkenalan. Kalimat *ta'arufu* dari aspek metafora bahasa arab memberi maksud saling memahami yang mencakupi proses pengenalan dua hala yang erat dan mendalam. Ia merupakan wadah utama proses asimilasi, akomodasi, akulturasi dan amalgamasi dalam teori pengajian ilmu sosiologi. Ia juga menepati maksud dialog antara budaya dan agama, tuntutan mengkaji dan saling mengenali kepelbagaian budaya yang wujud.

Allah SWT telah meletakkan matlamat pluraliti adalah perkongsian yang sihat dan ianya dapat digarapi melalui konsep kenal-mengenal. Kelemahan sesuatu bangsa atau budaya ditampung oleh kelebihan etnik lain adalah natijah perkongsian yang sihat. Perkongsian penguasaan ilmu, teknologi, kemahiran dan pengalaman merupakan contoh perkongsian yang positif dalam masyarakat multi-etnik. Nilai kemuliaan yang universal merentas kaum, etnik dan bangsa. Penanda aras kemuliaan yang diletakkan Islam amat universal. Justeru itu, sesuatu bangsa bukan mulia kerana warna kulit, keturunan, ras, kabilah atau etnik tetapi kemuliaan dinilai berdasarkan kekuatan hubungan seseorang manusia dengan Allah SWT (taqwa).

Terdapat beberapa prinsip yang boleh digariskan dalam mendasari hubungan sesama manusia, Islam dengan bukan Islam. Antaranya ialah (Nazri, 2011): (1) Kepercayaan tentang kemuliaan manusia sebagai manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. (2) Kepercayaan bahawa perbezaan agama di kalangan manusia berlaku dengan kehendak Allah yang telah memberi kebebasan dan pilihan kepada makhluk-Nya dalam setiap apa yang hendak dilakukan atau ditinggalkan. (3) Kepercayaan bahawa umat Islam tidak ditugaskan untuk mempersoalkan setiap golongan tersebut di akhirat. (4) Kepercayaan bahawa Allah memerintahkan supaya umat Islam sentiasa berlaku adil dan berakhlak mulia walaupun terhadap orang bukan

Islam. Di samping itu, umat Islam juga perlu menyedari bahawa Allah membenci kezaliman walaupun dilakukan oleh umat Islam sendiri terhadap orang bukan Islam.

Justeru itu, pengiktirafan dalam Islam terhadap kesemua ciptaan tidak bermaksud masyarakat bukan Islam boleh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Islam sesuka hati. Masyarakat bukan Islam seharusnya menghormati dan tidak melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat Islam walaupun perkara tersebut dibenarkan dalam agama mereka, sebagai contoh perbuatan meminum arak.

## **Pembentukan Kepelbagaian Masyarakat Malaysia**

Sejarah kepelbagaian masyarakat di Malaysia dibuktikan melalui perkembangan dan kegemilangan peradaban Alam Melayu sejak zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka lagi. Shamsul Amri (2012) menyatakan bahawa interaksi dengan kepelbagaian tamadun luar berlaku sejak abad ke-5 Masihi lagi, melibatkan interaksi pelbagai budaya masyarakat serata dunia seperti Arab pra-Islam, Hinduisme, Buddhisme, Arab Islam dan Eropah yang terdiri daripada Portugis, Sepanyol, Belanda dan British. Pertemuan dan pertembungan ini melahirkan satu ciri fenomena sosial yang disebut sebagai kepluralitian budaya.

Alam Melayu sekitar abad ke-15 menjadi tumpuan utama dunia. Melaka merupakan sebuah negeri yang dikenali kerana keunikannya sejarahnya dan kaitannya dengan pusat perdagangan dunia serta pusat perkembangan Islam di Asia Tenggara. Kegemilangan Melaka dikaitkan dengan peranan dan sumbangan Melaka, iaitu sebagai pusat perkembangan Islam di Nusantara seterusnya ke daratan Asia Tenggara, penggunaan Bahasa Melayu sebagai elemen perkembangan Islam dan juga kerajaan Melaka yang memperkukuhkan persaudaraan bangsa Melayu dan perpaduan dengan bangsa lain (Khoo, 1982). Terdapat beberapa faktor geografi yang membawa kepada kegemilangan ini, antaranya ialah:

### **Pusat Perdagangan Utama**

Melaka dikenali sebagai pusat perdagangan Melayu di Timur sehingga mendapat gelaran sebagai *The Venice of The East* (Shamsul Amri, 2012). Kedatangan para pedagang Arab dan Timur menjadikan Melaka sebagai sebuah pelabuhan *enterport* serta tumpuan singgahan ratusan kapal setiap tahun. Lokasi Melaka terletak pada kedudukan yang strategik, iaitu di tengah-tengah tebing Selat Melaka yang menghubungkan negara China ke India dan Timur menjadikannya tempat yang sesuai sebagai pusat perdagangan. Ribuan kapal para pedagang berulang-alik melalui pelabuhan Selat Melaka.

### **Kedudukan yang Strategik**

Gugusan kepulauan Melayu umumnya terletak di persimpangan perjalanan perdagangan antara benua India dan China. Ini menjadikan Selat Melaka sebagai jalan perdagangan yang sibuk dengan aktiviti perkapalan dan perdagangan. Dari segi geografi, wilayah ini terbahagi kepada dua, iaitu wilayah tanah besar, termasuklah Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan. Perkembangan pelabuhan dan kepesatannya berlaku lanjutan daripada munculnya penempatan di sepanjang muara sungai yang strategik kedudukannya. Walaupun tidak semua bandar pelabuhan ini muncul sebagai pusat bandar utama, tetapi sebahagiannya berjaya menjadi bandar pelabuhan *enterport* atau bandar pelabuhan penting di wilayah ini yang berfungsi sebagai pusat pertukaran barangan (Nordin, 2011).

### **Tiupan Angin Monsun**

Kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan dan tumpuan pelbagai bangsa sedunia juga didorong oleh faktor tiupan angin monsun. Perubahan arah serta tiupan angin monsun ini dilihat sebagai faktor yang menyatukan para pedagang dari Lautan Hindi, Gugusan Kepulauan Melayu dan Tanah Besar China. Angin monsun pertama bermula pada bulan April, sementara angin monsun kedua bermula pada bulan September. Pedagang dari India akan memulakan pelayaran mereka ke Kepulauan Melayu dan ke timur bermula pada awal Mei dan akan menetap di Melaka atau mana-mana pelabuhan alam Melayu sehingga Januari untuk pulang semula ke negara asal mereka (Nordin, 2011).

Selain itu, terdapat juga beberapa faktor sampingan yang mendorong kepada wujudnya kepelbagaian bangsa di Melaka, antaranya:

### **Pemerintahan Diplomasi dan Terbuka**

Kegemilangan Melaka didorong oleh kehebatan sultan dan pembesar yang berpandangan jauh serta mempunyai misi dan visi yang hebat. Pemerintahan dijalankan penuh diplomasi dan terbuka yang boleh dibuktikan melalui pelantikan orang India sebagai pegawai di istana. Bahkan keterbukaan juga dilihat melalui perkahwinan campur antara masyarakat tempatan dan orang luar, umpamanya perkahwinan pemerintah Melaka dengan anak perempuan pemerintah China (Shamsul Amri, 2012).

Kecekapan pengurusan dan pentadbiran Melaka dibuktikan melalui sistem Pembesar Berempat dan perundangan berunsurkan Islam. Melaka diperintah oleh raja yang bijaksana dengan sistem pentadbiran yang sangat tersusun dan dibantu empat pembesar, iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.

Di samping itu, hubungan diplomatik juga diperlihatkan menerusi hubungan Melaka dengan kuasa-

kuasa seperti China, India, Siam dan Jawa. Oleh yang demikian, interaksi bersama kuasa-kuasa ini membawa kepada pembentukan fenomena masyarakat berbilang bangsa di Melaka (Rozeyta & Paimah, 2009).

### **Keistimewaan Ajaran Islam**

Kemurnian ajaran Islam yang mencakupi kesemua bidang kehidupan telah menarik orang ramai memeluk agama Islam. Antara ajaran yang menarik ialah konsep Tuhan Yang Maha Esa atau Tauhid, keadilan, hak individu dan masyarakat, kehidupan yang harmoni, menyanjung akhlak mulia dan menganjurkan konsep kebajikan hidup di dunia dan akhirat. Perkara ini menyebabkan agama Islam diterima baik dan telah tersebar luas ke Asia Tenggara, termasuk di Melaka.

### **Perkahwinan**

Di Alam Melayu, sebelum kedatangan pentadbir Eropah, perkahwinan campur menjadi faktor kepada kemuncak kegemilangan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Perkahwinan bukan sahaja meluaskan hubungan diplomatik antara negara sebagaimana perkahwinan Sultan Mansur Shah dengan puteri pemerintah negara China, bahkan perkahwinan antara para pedagang dengan masyarakat tempatan turut membawa kepada kegemilangan Islam di Melaka.

Pengislaman masyarakat tempatan menjadikan kelompok umat Islam semakin membesar melalui perkahwinan antara masyarakat tempatan dengan para pedagang (Izziah Suryani, 2009). Kenyataan ini disokong oleh Fairuzah (2008) dalam tulisannya yang menyatakan bahawa terdapat sebilangan pedagang yang berkahwin dengan gadis tempatan dan bermukim di pelabuhan Alam Melayu ketika menunggu pertukaran angin monsun.

Selain itu, melalui perkahwinan, unsur-unsur pluralisme dan penyatuan dibuktikan juga apabila wujudnya ikatan antara masyarakat Cina Baba dengan masyarakat tempatan, seterusnya membawa kepada proses asimilasi budaya seperti adat bersanding, bunga manggar dan bunga telur yang diadaptasi masyarakat menerusi perkahwinan dengan pendatang dari India (Shamsul Amri, 2012).

### **Perundangan**

Antara faktor lain yang membawa kepada kegemilangan Melaka juga ialah sistem perundangan Islam yang dilaksanakan oleh pemerintah Melaka. Umumnya, perundangan Melaka sebelum kedatangan Islam lebih tertumpu kepada undang-undang adat atau undang-undang tempatan. Kedatangan Islam ke Melaka sedikit sebanyak telah mengubah senario tersebut dan menjadi kaedah atau alternatif baru dalam pelaksanaan hukuman terhadap rakyat negeri Melaka. Undang-undang Islam ini meliputi bidang kekeluargaan, urusan perniagaan, dan

sedikit sebanyak berkaitan undang-undang jenayah. Justeru itu, tidak hairanlah terdapat beberapa ayat yang menggunakan istilah-istilah tertentu seperti mengikut hukum Allah atau mengikut dalil Allah SWT.

Asas terbentuknya kepelbagaian etnik berterusan sehinggalah Tanah Melayu kemudiannya berada dalam era penjajahan oleh kuasa Eropah. Namun begitu, konsep kepelbagaian secara aman semasa pemerintahan kesultanan Melayu berubah dengan pelaksanaan dasar-dasar pentadbir Eropah. Kerajaan Inggeris melaksanakan dasar undang-undang Pecah dan Perintah di mana kesemua etnik di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India diasingkan antara satu sama lain dalam semua aspek hidup. Justeru itu, masyarakat di Tanah Melayu secara tidak langsung terpisah dan menjalani corak hidup dalam lingkungan bangsa masing-masing tanpa sebarang unsur perpaduan dan keharmonian. Ini kerana, keperluan kepelbagaian ketika ini adalah di atas kehendak pentadbir kolonial.

Menurut Zurina & Hukil (2007), ketibaan penjajah dengan ideologi kapitalisme mengubah sistem nilai di Tanah Melayu secara mendadak. Antara perubahan tersebut ialah corak kemasukan Cina dan India ke negara ini dalam jumlah yang tinggi sekaligus menimbulkan konfrantasi. Polisi penjajah menambahkan ketidaksefahaman dan juga mewujudkan jurang di antara kaum.

Sejarah ini diteruskan lagi dengan zaman peradaban global di mana kepelbagaian masyarakat yang ada di Tanah Melayu mula celik dan sedar terhadap hak kemanusiaan. Kamus Dewan (2007) mendefinisikan pluralistik sebagai bersifat majmuk yang berasaskan pluralisme, iaitu keadaan masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, kebudayaan, kepercayaan agama dan sebagainya. Masyarakat pluralistik di Malaysia merujuk kepada masyarakat yang terdiri daripada tiga etnik utama, iaitu Melayu, Cina dan India yang berperanan besar dalam memperjuangkan kemerdekaan daripada kuasa kolonial Inggeris. Namun begitu, hal ini tidak menafikan juga kewujudan dan kepentingan kaum lain di negara ini. Kesepaduan di antara masyarakat pluralistik menjadi teras agenda utama Malaysia ke arah mencapai kestabilan dan kemajuan negara.

### **Sistem Politik Selepas Merdeka**

Oleh kerana Malaysia terdiri daripada kepelbagaian kaum, usaha memelihara kestabilan politik berasaskan kerjasama kaum adalah perlu demi masa depan negara. Bahkan perkembangan politik Tanah Melayu ke arah mencapai kemerdekaan negara ditunjangi oleh kerjasama dan perpaduan kaum melalui sejarah pilihanraya pertama peringkat persekutuan pada tahun 1955. Pada peringkat ini, ketiga-tiga kumpulan etnik, Melayu, Cina dan India bersatu dalam sebuah parti, iaitu Perikatan yang terdiri

daripada *United Malays National Organisation* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan India Congress* (MIC).

Perkembangan politik Tanah Melayu selepas kemerdekaan tidak sunyi daripada pelbagai kemelut sama ada di peringkat parti tertentu mahu pun negara. Namun begitu, selepas era 1960-an, politik Malaysia terus berkembang secara dinamik. Kerjasama kepelbagaian parti politik dalam pakatan parti pemerintah dibuktikan dengan peningkatan jumlah ahli, seterusnya menambahbaik melalui penubuhan Barisan Nasional pada tahun 1974. Sehingga kini, agenda politik negara diaplikasikan dengan pelbagai dasar-dasar yang menjurus kepada membina ikatan kerjasama dan memperkasa program pembangunan negara secara berterusan (Shamsul Amri, 2012).

### **Penggubalan Perlembagaan Negara**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah panduan asas kepada pelaksanaan sistem politik di Malaysia. Perlembagaan ini merupakan lanjutan daripada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang diisytiharkan pada tahun 1948. Kontrak sosial menjadi satu isu utama yang diberi perhatian dalam penggubalan perlembagaan negara. Sejarah mencatatkan bahawa kontrak sosial telah wujud ketika zaman Alam Melayu lagi. Masyarakat pluraliti meletakkan kedudukan raja sebagai simbol utama sesebuah pemerintahan dan perlu dihormati serta ditaati. Bagi masyarakat pluralistik pula, kontrak sosial berlaku dalam konteks ke arah mencapai kemerdekaan negara sebagaimana yang disyaratkan oleh pemerintah kolonial ke atas masyarakat Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum. Persepakatan kaum ke arah kemerdekaan ini perlu berlandaskan hubungan perpaduan yang erat. Oleh yang demikian, isu kerakyatan menjadi persoalan utama bagi mencapai usaha ini (Shamsul Amri, 2012).

### **Sistem Pendidikan Selepas Merdeka**

Selepas mencapai kemerdekaan pada Ogos 1957, antara aspek yang diberi penekanan ke arah memupuk perpaduan negara ialah pendidikan. Pendidikan sebelum merdeka yang terpisah dan terasing menyebabkan kesemua kaum di Tanah Melayu gagal mengenali antara satu sama lain. Namun begitu, sistem ini berubah apabila corak pendidikan dilaksanakan berasaskan unsur-unsur tempatan yang meliputi kurikulum, sukatan mata pelajaran dan orientasi pembelajaran. Pendidikan menjadi wadah utama dalam usaha menyatukan kaum yang terdiri daripada kepelbagaian budaya, nilai dan norma masyarakat bagi membentuk identiti kebangsaan Malaysia.

### **Sistem Ekonomi Selepas Merdeka**

Selepas mendapat kemerdekaan negara, pada tahun 1957, kerajaan menggiatkan usaha mengatasi pelbagai masalah sosio-ekonomi dan sosio-politik. Antara usaha yang dilakukan ialah rancangan pembangunan yang dilaksanakan secara berperingkat, seperti: Rancangan pramerdeka iaitu meliputi Rangka Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu (1950-1955) dan Rancangan Persekutuan Tanah Melayu Pertama (1956-1960), Perancangan selepas merdeka, merangkumi Rancangan Persekutuan Tanah Melayu Kedua (1961-1965) dan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), Perancangan dalam era Dasar Ekonomi Baru, Dasar-dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara, Dasar Transformasi Nasional.

Kesemua usaha ini dilaksanakan bagi mengatasi jurang ekonomi yang ketara antara kaum akibat daripada pelaksanaan sistem Pecah dan Perintah yang dilaksanakan pemerintah kolonial semasa era penjajahan. Keperluan memperbetul dan menstabilkan kedudukan ekonomi ini penting bagi mengelakkan berlakunya perselisihan faham antara kaum sebagaimana yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969.

Sehingga kini, isu perpaduan menjadi perbincangan utama melalui pelbagai usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Di samping itu, pelbagai usaha ke arah memartabatkan Islam sebagai cara hidup perlu dititikberatkan terhadap setiap diri individu rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa. Pembudayaan ini perlu diterjemahkan melalui aplikasi nilai-nilai murni sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam bagi memastikan kesejahteraan masyarakat Malaysia sejagat.

### **Asas-Asas Hubungan Etnik Menurut Islam**

Shamsul Amri (2012) menyatakan bahawa kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia sudah sedia wujud. Pembentukan negara bangsa menjadi wadah utama dengan ciri-ciri khas yang terhasil daripada proses perkongsian sejarah bersama yang dilalui. Aplikasi pembentukan negara bangsa ini dilaksanakan melalui struktur sosial, ekonomi, politik dan juga budaya.

Islam sebagai sebuah agama yang sempurna menggariskan asas tertentu bagi memastikan hubungan antara sesama manusia sentiasa terpelihara. Bahkan Islam cukup mengambil berat persoalan berkaitan dengan memelihara keharmonian dalam hubungan kemasyarakatan sesebuah masyarakat, Islam mahupun bukan Islam. Asas-asas hubungan etnik menurut Islam dapat dibahagikan kepada beberapa perkara, antaranya:

#### ***Al-Ta'aruf* (Saling Berkenalan)**

*Ta'aruf* membawa maksud berkenalan secara mendalam yang boleh menimbulkan kasih sayang. Tujuan Allah mencipta manusia daripada pelbagai warna kulit, bangsa dan keturunan supaya mereka berbaik antara satu dengan

lain agar mereka dapat hidup bersama dalam keadaan aman dan sejahtera, bukan untuk bermusuhan-musuhan. Bermusuhan antara satu dengan lain tidak akan mendatangkan keuntungan kepada mana-mana pihak (Norafifah, 2014).

Perkenalan yang dianjurkan Islam tidak terbatas kepada nama atau tempat tinggal malahan lebih mendalam dengan mengetahui kedudukan seseorang, corak kehidupan seharian, budaya bangsa dan etnik asal dan sebagainya. Perkenalan sebegini hanya akan berlaku apabila wujudnya kehidupan mesra dan saling mengenali antara satu sama lain. Justeru, taaruf merupakan asas penting dalam kehidupan bermasyarakat yang perlu diamalkan agar matlamat perpaduan dapat dicapai (Norafifah, 2014).

*Ta'aruf* merupakan peringkat pertama dalam asas hubungan etnik kerana ia menjadi titik tolak bagi sesebuah etnik memahami etnik yang lain. Dalam erti kata lain, dengan sesi perkenalan akan melahirkan rasa keinginan untuk mendalami dan menjiwai latar belakang sesuatu kaum ataupun etnik. Dalam konteks hubungan etnik di Malaysia, tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India sudah pasti akan mengenali antara satu sama lain apabila asas taaruf ini diamalkan. Bagi mereka yang bukan Islam, mereka akan mengenali Islam dengan sesi perkenalan bersama dengan orang Islam. Begitu juga sebaliknya, bagi mereka yang Islam akan mengenali budaya dan pegangan agama mereka yang bukan Islam dengan asas *ta'aruf* ini.

### ***Al-Tafāhum* (Saling Memahami)**

Asas kehidupan bermasyarakat yang dimulakan dengan *taaruf* akan melahirkan masyarakat yang saling memahami antara satu sama lain. *Al-Tafāhum* merupakan asas penting dalam mencapai tujuan kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Persefahaman perlu wujud dalam sesebuah masyarakat agar tidak berlakunya prasangka dan salah faham dalam menjalin hubungan sosial. Masyarakat yang saling memahami akan mewujudkan suasana harmoni dalam menjalankan tanggungjawab negara dan saling nasihat-menasihati. Masyarakat juga saling memahami dan menghormati konsep agama dan budaya masing-masing. Hal ini penting agar prasangka perkauman dan permusuhan tidak berlaku dalam masyarakat pelbagai etnik. Persefahaman boleh diamalkan dalam konteks hubungan etnik melalui cara berikut: Perlu saling mengenali antara satu dengan yang lain: dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan mengamalkan nilai-nilai hidup murni (Norafifah, 2014).

Dalam konteks dakwah, sebagai Muslim, asas tafahum ini sangat penting dikuasai kerana tanpa adanya pemahaman terhadap sesuatu budaya atau amalan kumpulan berlainan agama, sudah pasti seseorang pendakwah akan sukar untuk menjiwai *mad'u* atau orang

yang didakwahnya. Persoalan berdakwah secara berperingkat atau beransur-ansur berkait rapat dengan asas tafahum. Inilah yang menjadi amalan Rasulullah SAW dalam usaha baginda mengembangkan Islam kepada masyarakat Arab Jahiliyyah suatu ketika dahulu.

### ***Al-Ta'āwun* (Saling Bekerjasama)**

Asas seterusnya dalam mewujudkan hubungan sosial yang harmoni ialah bekerjasama, tolong-menolong, dan saling membantu dalam kalangan ahli masyarakat. Asas ini penting untuk masyarakat sama-sama mencapai perpaduan dan kemajuan dalam sesebuah negara yang berbilang bangsa. Kerjasama yang berlaku bukan hanya dalam kalangan sesama agama dan etnik tetapi melampaui batasan sempadan agama dan etnik. Kerjasama boleh diberikan dalam pelbagai bentuk seperti tenaga, harta dan masa.

Perlu difahami bahawa ajaran Islam tidak menafikan hak untuk setiap manusia saling bekerjasama dan bantu membantu selagi mana ianya tidak menjurus ke arah kemaksiatan atau bertentangan dengan akidah dan syariat Islam. Perkongsian ilmu dan kerjasama dalam pelbagai bidang yang menjurus kepada keharmonian dan kemajuan negara adalah suatu perkara yang amat digalakkan untuk kepentingan sejagat (Norafifah, 2014).

Dalam Islam, banyak kisah-kisah *salaf al-soleh* yang memberi gambaran kepada kita akan pentingnya asas *al-ta'awun* ini. Antaranya dapat kita lihat dalam peristiwa *Hijrah al-Rasul*, umat Islam saling berganding bahu membantu sesama saudara Muslim bagi memastikan kesinambungan hidup sesama mereka. Golongan Ansar membantu golongan Muhajirin apabila mereka sampai ke Madinah. Peristiwa ini memberi kesan besar kepada perkembangan Islam. Survival Islam dipastikan dengan *Al-Ta'āwun* yang berlaku dalam masyarakat Islam pada zaman tersebut.

### ***Al-Ukhuwah* (Persaudaraan)**

Menurut *Kamus Dewan*, persaudaraan bermaksud perhubungan seperti bersaudara atau pertalian yang rapat. Pendekatan Islam menganjurkan persaudaraan atas dasar beriman dan bertaqwa. *Al-Ukhuwah* (persaudaraan) dalam Islam meliputi seluruh golongan masyarakat. Manusia seharusnya hidup dalam masyarakat yang saling mencintai dan saling menolong, sehingga timbulnya kekuatan persaudaraan. Sesama mereka saling memperkuat antara satu sama lain sehingga terciptanya perasaan bahawa kekuatan saudaranya adalah kekuatannya dan kelemahan saudaranya adalah kelemahannya.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, persaudaraan adalah suatu ikatan kerohanian yang melahirkan perasaan mendalam dalam diri seseorang tentang belas kasihan, cinta kasih dan penghormatan diri. Setiap orang

yang terikat antara satu sama lain dengan pertalian akidah Islam, iman dan taqwa akan melahirkan ukhuwah. Justeru, dalam konteks hubungan etnik hubungan persaudaraan yang kukuh sangat penting bagi menjamin keharmonian dan kestabilan sosial (Norafifah, 2014).

Ikatan pertalian akidah menyebabkan ukhuwah yang terjalin merentas batasan agama, bangsa, keturunan dan warna kulit. Hal ini dapat ditelusuri melalui usaha baginda Rasulullah SAW menanamkan akidah yang jitu ke dalam jiwa para sahabat pada peringkat awal dakwah baginda. Kesan daripada akidah yang benar dan sejahtera telah melahirkan generasi sahabat yang berpadu erat atas dasar akidah tauhid yang sama. Bagi golongan bukan Islam, mereka turut mendapat tempai kesan daripada ikatan ukhuwah ini. Dengan lahirnya golongan bukan Islam seperti golongan *zimmi*, mereka diberi perlindungan serta dilayan sama sahaja seperti golongan Islam dalam aspek kemanusiaan.

#### ***Al-Mahabbah (Berkasih sayang)***

Berkasih sayang merupakan salah satu sifat kemanusiaan yang sewajarnya disemai dan dipupuk dalam sanubari setiap anggota masyarakat. Sifat kasih-sayang mampu mengikat hubungan kemesraan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Apabila hati dengan hati bertaut erat, hilanglah sifat bermusuhan, benci-membenci dan dengki-mendengki antara satu sama lain. Tahap *mahabbah* yang paling rendah adalah bersihnya hati dari perasaan yang negatif seperti perasaan hasad, membenci, dengki, dan apa-apa yang menyebabkan permusuhan dan pertengkaran. Justeru, asas ini perlu diamalkan dalam kehidupan harian bagi menjamin keharmonian hubungan etnik di Malaysia (Norafifah, 2014).

Tahap *mahabbah* akan meningkat ke tahap yang lebih tinggi apabila asas *mahabbah* benar-benar dihayati. Dalam Islam, perasaan *al-ithar* ataupun melebihi orang lain berbanding sendiri merupakan tahap tertinggi dalam berkasih-sayang. Dalam konteks pemahaman umat manusia pada hari ini, *al-ithar* bolehlah diterjemah sebagai empati, iaitu kemampuan seseorang untuk memahami dan menyelami perasaan orang lain. Apabila seseorang memiliki perasaan *mahabbah*, dia tidak lagi akan mementingkan diri sendiri. Sebaliknya dia akan sentiasa memikirkan akan kesusahan dan kepayahan orang lain. Inilah indahnya didikan dan ajaran Islam yang bersumberkan wahyu.

#### ***Al-Ta'adamun (Saling Menjamin)***

Asas kehidupan bermasyarakat yang juga penting ialah saling menjamin atau saling melindungi antara satu dengan yang lain. Keadaan ini melahirkan rasa tanggungjawab dalam diri setiap anggota masyarakat untuk membantu ahli masyarakat yang lain ketika

memerlukan seperti memberi nafkah keluarga, zakat, sedekah, wakaf dan kerjasama yang erat dalam masyarakat. Sikap saling menjamin ini dapat diaplikasi melalui 3 peringkat (Norafifah, 2014), iaitu: Individu: Menjadi warganegara yang baik; Keluarga: Menjaga hubungan baik dengan ibu, bapa dan keluarga; Masyarakat: Menjaga hubungan yang baik dengan masyarakat pelbagai etnik.

Bagi negara Islam, golongan bukan Islam (*non-Muslim*) dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

Non-Muslim *Dhimmi*: mereka ialah golongan bukan Islam yang memohon perlindungan daripada negara-negara Islam dengan membayar wang perlindungan.

Non-Muslim *Mu'ahad*: mereka ialah golongan bukan Islam yang ada perjanjian dengan orang Islam.

Non-Muslim *Musta'man*: mereka ialah golongan bukan Islam yang menjadi pelarian dan memohon agar dilindungi.

Bagi ketiga-tiga kategori bukan Islam di atas, mereka mendapat jaminan keselamatan daripada negara dan umat Islam. Mereka dilindungi daripada disakiti, dicerderakan atau dibunuh. Inilah jaminan yang diberikan oleh Islam kepada golongan yang tidak mengancam orang lain. Mereka mendapat layanan yang sama seperti kaum Muslimin yang hidup dalam sebuah negara.

### **Aplikasi Hubungan Etnik Menurut Islam**

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dengan kewujudan pelbagai etnik, budaya dan agama. Aplikasi dan penghayatan nilai murni bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat Islam. Bahkan masyarakat Cina juga mementingkan aspek kepercayaan yang boleh membawa kesejahteraan, kemakmuran, kebahagiaan serta kekayaan. Kebanyakan daripada mereka cenderung kepada konsep kebaikan dari segi moral dan akhlak manusia. Ini dilihat menerusi falsafah Konfusianisme yang merupakan doktrin kenegaraan merangkumi aspek keagamaan. Kitab *Analects* contohnya menyentuh tentang pengamalan nilai dan sifat moral mengenai perikemanusiaan.

Manakala bagi masyarakat India, keluarga merupakan unit asas dan penting. Masyarakat India mengamalkan sistem keluarga bersama yang dipercayai membentuk keperibadian dan jati diri masyarakat mereka agar bertindak mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh ajaran agama mereka.

Ringkasnya, mana-mana kaum di negara, Cina, India, mahupun Melayu, asasnya amat menitikberatkan persoalan akhlak dan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang bangsa, apatah lagi dalam usaha ke arah mencapai Wawasan 2020 (Fatimi & Mohd Zamani, 2006).

Sehubungan itu aplikasi kehidupan multietnik perlu diberi perhatian agar keharmonian dan perpaduan dapat



dikecapi dengan jayanya. Berikut langkah-langkah aplikasi hubungan etnik dalam konteks Malaysia (Norafifah, 2014):

(1) Kemesraan Komunikasi: Penggunaan bahasa yang baik dan bersopan santun menjadi asas dalam menghasilkan komunikasi yang baik dan berkesan serta mengelakkan sikap sombong dan memandang rendah. Rakyat Malaysia terkenal dengan sifat ramahnya. Justeru, amalan berkomunikasi dengan baik perlu diteruskan. Bagi generasi muda, sikap bersopan santun perlu dididik kepada mereka semenjak kecil lagi. Ibu bapa berperanan memastikan anak-anak mereka membiasakan ucapan, perkataan dan tingkah laku yang sopan bagi menjadikan mereka sebagai warganegara yang berhemah tinggi. Islam mengajarkan umatnya agar sentiasa menjaga tuturkata tanpa mengira dengan sesiapa pun seseorang itu berkomunikasi. Rasulullah SAW sendiri sentiasa berbicara dengan lunak dan sopan serta tidak menyakiti hati orang lain.

(2) Budaya Ziarah-Menziarahi: Amalan ziarah-menziarahi memberi banyak kebaikan terutamanya dalam menghubungkan dan merapatkan hubungan silaturrahim sesama mereka. Islam sangat menggalakkan umatnya untuk memperbaiki hubungan silaturrahim dan persaudaraan. Pada hari ini, budaya ziarah-menziarahi agak suram disebabkan kecanggihan dan perkembangan teknologi moden. Kewujudan media sosial, orang ramai sekadar bertanya khabar di ruang maya tanpa adanya amalan ziarah-menziarahi. Sebaliknya generasi dahulu, oleh kerana tiadanya kemudahan alat komunikasi dan juga kekurangan kemudahan pengangkutan, kebiasaannya seseorang akan bertandang dan bermalam di rumah saudara atau waris apabila hendak ke sesuatu tempat. Hal ini menyebabkan amalan ziarah-menziarahi subur dan memugar perasaan kasih sayang sesama keluarga dan sahabat handai. Seharusnya budaya ini diteruskan bagi meningkatkan perasaan kasih sayang sesama insan.

(3) Mengambil berat: Bersifat prihatin dan mengambil berat terhadap keadaan yang berlaku di sekeliling. Setiap etnik yang bersikap mengambil berat boleh menangani masalah jenayah yang berlaku. Sikap mengambil berat ini perlu diamalkan dalam kalangan masyarakat terutama kawasan kejiranan. Semangat kejiranan yang tinggi dan sentiasa mengambil berat terhadap keadaan sekeliling akan memastikan sesebuah masyarakat sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terpelihara. Soal mengambil berat ini meliputi pengetahuan keadaan kesihatan jiran-jiran, keadaan persekitaran rumah jiran tetangga dan lain-lain hal yang berkaitan dengan kejiranan.

(4) Hormat-menghormati: Hormat-menghormati antara satu sama lain walaupun berlainan pegangan agama, budaya dan pandangan. Dengan adanya sikap hormat-menghormati, suasana tegang dan tidak sihat

dapat dihindarkan. Apabila seseorang menghormati orang lain, sudah pasti pihak yang dihormati akan menghargai sikap tersebut dan seterusnya turut sama menghormati. Penghormatan yang diberikan kepada seseorang sudah pasti menggembirakan semua pihak. Antara budaya yang wajar diteruskan ialah orang muda menghormati orang yang lebih dewasa, pelajar menghormati guru, rakyat menghormati pemimpin dan lain-lain lagi peringkat penghormatan yang wajar diamalkan.

(5) Hak Kejiranan: Menghormati serta berinteraksi dengan baik kepada jiran tetangga serta masyarakat di sekeliling. Setiap individu bertanggungjawab terhadap keharmonian dan keamanan dalam kawasan sejiran mereka. Islam menitik beratkan hak jiran. Ini dapat dilihat dengan penekanan yang diberikan kepada hak jiran iaitu hak mendapat pertolongan, hak mendapat pinjaman apabila memerlukan, hak diziarahi apabila sakit dan lain-lain lagi. Dalam sejarah Islam ada mencatatkan Saidina Umar al-Khattab RA sering memberikan daging kambing kepada jirannya yang beragama Yahudi setiap kali baginda menyembelih binatang tersebut. Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

*Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat maka janganlah menyakiti jirannya.* (Hadith riwayat Bukhari)

## Kesimpulan

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik serta budaya. Justeru itu, suatu usaha perlu digembleng bagi memastikan perpaduan antara seluruh rakyat Malaysia tercapai. Soal perpaduan dan permuafakatan sangat penting dalam sesebuah negara yang majmuk kerana perpaduan itu menjadi tunggak kepada kemajuan serta kestabilan dalam aspek seperti politik, sosial, ekonomi dan sebagainya. Kedatangan penjajah yang melahirkan masyarakat pluralistik menyebabkan usaha bagi menyatu padukan rakyat agak rumit kerana masih terdapat kaum yang mempertahankan tradisi, budaya dan pegangan mereka.

Sesungguhnya, agama merupakan unsur penting dalam kehidupan seharian manusia di muka bumi ini kerana ia melibatkan aspek kepercayaan yang akan membentuk cara hidup manusia secara keseluruhannya. Agama juga sentiasa berperanan sebagai pendorong kepada manusia untuk melakukan kebaikan. Begitu juga dalam konteks hubungan etnik. Islam sama sekali tidak melarang umatnya melakukan kebaikan walaupun berlainan etnik, bangsa, agama dan keturunan. Malahan perbezaan ini diperakui kerana itu adalah ciptaan Allah SWT (Norafifah, 2014).

Oleh itu, hubungan baik dan persaudaraan sesama umat Islam amat ditekankan dalam ajaran Islam.

Silaturrahim merupakan perkara penting yang perlu dipelihara sesama umat Islam demi keharmonian bersama sekaligus menyempurnakan keimanan kepada Allah SWT (Norafifah, 2014). Ini berdasarkan peringatan Rasulullah SAW kepada umat Islam melalui sepotong hadis bermaksud:

*Tiada beriman seorang kamu hingga ia mencintai untuk saudaranya apa yang ia cintai untuk dirinya* (Riwayat Bukhari & Muslim)

Ajaran Islam turut menekankan hubungan baik antara umat Islam dengan mereka yang berlainan agama, etnik, bangsa dan keturunan. Walaupun terdapat perbezaan yang nyata, namun nilai-nilai kemanusiaan tetap ada. Apa yang penting adalah persefahaman dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Justeru, prinsip-prinsip Islam yang berhubung dengan nilai kemanusiaan perlu diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

## Rujukan

Al-Quran.

Fairuzah Basri (2008). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari*. Batu Caves: Hazrah Enterprise.

Fatimi Hanafi & Mohd Zamani Ismail. (2006). *Penghayatan Nilai-nilai Murni dalam Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia*. [://www.scribd.com/doc/24448582/Penghayatan-Nilai-Nilai-Murni-Dalam-MasyarakatBerbilang-Kaum-Di-Malaysia](http://www.scribd.com/doc/24448582/Penghayatan-Nilai-Nilai-Murni-Dalam-MasyarakatBerbilang-Kaum-Di-Malaysia). Seminar Kebangsaan Pengajian Umum. 13-14 Jun. Johor Bharu.

Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2009). *Sejarah Kedatangan dan Penyebaran Agama Islam ke Kepulauan Melayu Menurut Pandangan HAMKA*. Dalam Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Maheram Ahmad & Md Nor Abdullah (pnyt), *Proceedings of The Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)*. Bertempat di Bilik Senat & Bilik Majlis, Bangunan Canselori, UKM, Bangi, 29-30 Disember (halaman 287-298). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM.

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo Kay Kim (1982). *Melaka dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn. Bhd.

Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). *Hubungan Etnik di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kajian Malaysia, Vol.29, No.1: 1-28.

Norafifah, A. H. (2014). Prinsip Islam Dan Nilai-Nilai Kemanusiaan. In Mohd Faizal P.Rameli (ed.). *Islam & Hubungan Etnik: Sorotan Sejarah & Isu Kontemporari Di Malaysia*. Melaka: Academy Of Contemporary Islamic Studies, UiTM Melaka, (pp. 245-268).

Nordin Hussin (2011). *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rozeyta Omar & Paimah Atoma. (2009). [http://eprints.utm.my/14774/1/RozeytaOmar2009\\_PluralitiBudayadanEtnikdiAlamMelayu.pdf](http://eprints.utm.my/14774/1/RozeytaOmar2009_PluralitiBudayadanEtnikdiAlamMelayu.pdf)

Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn. Bhd.

Zurina Mahadi & Hukil Sino. (2007). *Hubungan Nilai Masyarakat & Pembangunan: Satu Analisa*. Jurnal Pengajian Umum Bil. 8. [http://www.ukm.my/jmalim/images/vol\\_08\\_2007/artikel%205%20-%20zurina%20-%2077-94.pdf](http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_08_2007/artikel%205%20-%20zurina%20-%2077-94.pdf)